

20 JUL 1996

PROGRAM PENDIDIKAN CEGAH AIDS DIPERTIMBANGKAN

KUANTAN, 20 Julai (Bernama) -- Majlis Aids Malaysia (MAM) bercadang melaksanakan program pendidikan pencegahan Aids dengan menggunakan pendekatan yang dijalankan di negara-negara membangun ke arah menangani gejala itu, kata Presidennya Marina Mahathir hari ini.

Semasa ditemui pemberita selepas mengunjungi Menteri Besar Tan Sri Khalil Yaakob di pejabatnya di sini, beliau berkata melalui program itu, bilangan penghidap Aids dapat dikurangkan hasil pendidikan dan kemahiran yang diberikan kepada mereka yang berumur dalam lingkungan 20-an.

Katanya, Thailand dan Uganda didapati menjalankan langkah-langkah pencegahan yang berkesan dalam mengurangkan bilangan penghidap Aids di kalangan wanita dan remaja.

Beliau berkata satu seminar akan diadakan di Kuala Lumpur tidak lama lagi bagi membincangkan pendekatan yang digunakan di negara-negara lain untuk dilaksanakan di sini.

Marina berkata MAM juga menyediakan pita video untuk diedarkan kepada mereka yang tinggal di estet-estet agar golongan ini tidak diabaikan daripada pendidikan Aids.

Di samping itu, program pendidikan Aids juga akan sentiasa dipertingkatkan bagi memastikan keberkesanannya, katanya.

-- BERNAMA

ROS AKD